



# The Buletin Rasmi MSWG Observer

JUMAAT | 6 FEBRUARI 2026

## TILIK TELITI

Kehadiran mereka mungkin tidak begitu menonjol dan seringkali tidak disedari, namun peranan mereka amat penting dalam memastikan integriti proses pengundian dalam mesyuarat agung.

## **MENELITI PERANAN PEMERHATI UNDI (*SCRUTINEER*)**

Anda mungkin tidak menyedari kehadiran mereka, tetapi mereka sentiasa ada.

Ramai mungkin tidak perasan akan kehadiran mereka. Berdiri senyap di sudut tertentu dalam mesyuarat agung, biasanya di belakang kaunter pendaftaran atau berhampiran dengan tempat pengundian. Mereka sentiasa berada di situ, meskipun para pemerhati undi ini jarang sekali diberikan perhatian atau dipersoalkan peranannya.

Untuk ramai pemegang saham, kewujudan mereka mungkin tidak begitu disedari. Namun ketelusan dan integriti proses pengundian dalam mesyuarat agung mungkin akan terjejas tanpa kehadiran mereka.

Walaupun sering dipandang remeh, pemerhati undi merupakan komponen penting dalam mekanisme yang menyokong ketelusan mesyuarat pemegang saham. Mereka dilantik untuk bertindak secara bebas dan berkecuali bagi memastikan keputusan undian benar-benar mencerminkan kehendak pemegang saham. Mereka umpama penjaga senyap kepada integriti undian, amat penting dalam tadbir urus, namun peranan dan kewujudan mereka jarang sekali menjadi topik perbincangan dalam kalangan pelabur.

### **Apakah sebenarnya tugas pemerhati undi?**

Pemerhati undi ialah pihak bebas yang dilantik oleh syarikat sebelum mesyuarat agung bagi mengesahkan keputusan undian. Tugas mereka sebenarnya sudah bermula sebelum mesyuarat dijalankan.

Mereka sering kali dilihat meneliti prosedur pendaftaran, menyemak dokumen proksi, serta memeriksa borang undi dengan teliti. Mereka juga bertanggung jawab memastikan setiap undi yang dikemukakan oleh pemegang saham dipadankan secara tepat dengan pegangan saham masing-masing, serta memastikan tiada undi yang membawa berat lebih atau kurang daripada yang sepatutnya.

Namun, peranan mereka tidak terhenti di situ.

Sebelum pintu mesyuarat dibuka, pemerhati undi akan bekerjasama dengan pentadbir pengundian bagi memahami kaedah pengundian yang akan digunakan dalam mesyuarat, sama ada pengundian elektronik melalui peranti mudah alih, kios atau kaedah manual menggunakan kertas undi.

Mereka memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan borang undi, peranti elektronik dan prosedur pengundian, serta sentiasa peka terhadap sebarang kelemahan yang boleh menyebabkan kesilapan atau manipulasi.

Mereka juga mengesahkan borang proksi dengan menyemak identiti wakil, pegangan saham, tarikh akhir penyerahan borang serta pematuhan terhadap syarat prosedur. Ini

termasuk berurusan dengan pendaftar saham bagi memastikan Rekod Pendeposit adalah tepat dan dikemas kini iaitu sehingga 48 jam sebelum mesyuarat agung.

Apabila mesyuarat berlangsung, peranan pemerhati undi menjadi lebih ketara, walaupun kehadiran kebanyakan daripada mereka tidak disedari. Mereka memerhati kaedah pengundian yang dijalankan, cara kertas undi diedarkan dan dikutip atau cara undi dihantar secara elektronik. Mereka memastikan proses pengundian mematuhi prosedur yang ditetapkan serta arahan pengerusi mesyuarat.

Di sinilah peranan mereka boleh menjadi sangat kritikal. Pemerhati undi perlu mengenal pasti undian berganda, memantau undi berkecuali, serta memastikan pengecualian dibuat dengan betul contohnya dalam urusan niaga pihak berkaitan. Apabila timbul pertikaian, misalnya yang berkaitan dengan kelayakan pemegang saham atau proksi untuk mengundi, pemerhati undi diharap dapat campur tangan dan menyelesaikan isu tersebut.

Selepas pengundian ditutup, pemerhati undi bersama-sama dengan pentadbir pengundian akan mengira dan mengesahkan undi, dengan menyelaraskan jumlah undi yang diterima dengan modal saham yang diterbitkan serta proksi yang sah. Mereka mengesahkan undi menyokong, menentang dan berkecuali untuk setiap resolusi sebelum mengesahkan keputusan akhir untuk diumumkan oleh pengerusi.

Selepas pengumuman dibuat, keputusan undian yang disahkan oleh pemerhati undi akan dimuat naik ke laman web Bursa Malaysia dan direkodkan dalam minit mesyuarat. Bagi pengawal selia, pelabur dan orang awam, pengesahan ini dianggap sebagai cop kredibiliti terhadap ketelusan prosedur mesyuarat agung yang diadakan.

### **Keresahan di sebalik tabir**

Kehadiran pemerhati undi bukan sekadar memenuhi prosedur. Pelantikan mereka diwajibkan di bawah Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia sebagai langkah perlindungan tadbir urus, khususnya apabila keputusan undian agak sengit, dipertikaikan atau ada pihak mempersoalkan ketelusan pengundian.

Satu contoh melibatkan South Malaysia Industries Berhad, apabila keputusan Mesyuarat Agung Tahunan ke-53 yang ditangguhkan dan diadakan pada 8 Disember 2025 menimbulkan tanda tanya. Keputusan undian menunjukkan 74.3% daripada jumlah saham yang mengundi (atau kira-kira 105.08 juta saham) telah dibatalkan untuk Resolusi 1 hingga 5, atas alasan bahawa *“undi tersebut merujuk kepada pemegang saham yang telah menyatakan lebih awal untuk berkecuali dalam borang proksi atau pemegang saham yang tidak mengundi kerana terdapat konflik kepentingan”*.

Penjelasan ini menimbulkan lebih banyak persoalan berbanding jawapan. Pertama, jika pemegang saham telah menyatakan niat untuk berkecuali sebelum mesyuarat, maka saham mereka sepatutnya diklasifikasikan dan didedahkan sebagai “berkecuali”, dan

bukannya dibatalkan kemudian. Begitu juga, pemegang saham yang mempunyai konflik kepentingan sepatutnya tidak mengundi sejak awal lagi.

Percanggahan ini secara tidak langsung menimbulkan kebimbangan terhadap proses pengundian, sekaligus mengalih tumpuan kepada peranan serta keberkesanan pemerhati undi dalam mengesahkan keputusan undian.

Walaupun mereka memainkan peranan yang penting, pemerhati undi beroperasi dalam ruang yang kurang jelas dari segi tadbir urus.

Ketiadaan rangka kerja kawal selia atau garis panduan khusus yang mengawal selia peranan pemerhati undi. Salah satu rujukan yang ada ialah *Best Practice Guide on AGMs for Listed Issuers* yang dikeluarkan bersama oleh MAICSA dan Bursa Malaysia. Namun, panduan ini hanya menggariskan prinsip umum dan bukannya piawaian terperinci tentang cara pemerhati undi sepatutnya melaksanakan tugas mereka.

Syarat Penyenaraian sememangnya menetapkan bahawa pemerhati undi mestilah bebas daripada syarikat, bukan pegawai dalam penerbit tersenarai atau syarikat berkaitan, serta bebas daripada pentadbir pengundian. Namun begitu, selain syarat-syarat yang umum ini, panduan mengenai peranan mereka masih sangat terhad.

Isu utamanya ialah walaupun kebanyakan syarikat tersenarai melantik pihak bebas seperti firma luar atau pentadbir pengundian sebagai pemerhati undi, terdapat perbezaan yang ketara dalam cara tafsiran dan pelaksanaan isu kebebasan, kecekapan dan piawaian pelaporan. Tanpa garis panduan yang jelas dan boleh dikuatkuasakan, hal ini banyak bergantung kepada amalan dan pertimbangan individu.

Dalam kebanyakan mesyuarat agung, pemegang saham hanya dimaklumkan secara ringkas siapa pemerhati undi yang dilantik dan setakat itu sahaja pendedahan yang dibuat. Maklumat mengenai kelayakan, pengalaman atau langkah perlindungan bagi memastikan kebebasan mereka jarang sekali dikongsikan. Seperti kehadiran fizikal mereka yang tidak menonjol, kedudukan profesional mereka juga kebanyakannya tidak diketahui oleh pemegang saham.

Mungkin atas sebab inilah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mendapatkan maklum balas awam sama ada mereka perlu menetapkan jangkaan minimum yang lebih jelas bagi memastikan pemerhati undi benar-benar bebas, berkecayaan dan mampu melaksanakan peranan pengesahan mereka dengan berkesan.

MSWG turut berkongsi kebimbangan ini. Panduan yang sedia ada tidak cukup menyeluruh untuk mempersiapkan pemerhati undi bagi menghadapi persekitaran pengundian yang semakin kompleks.

Tanpa rangka kerja yang standard, perbezaan kaedah pengundian, tahap kepakaran yang tidak seragam, serta amalan yang berbeza-beza boleh menyebabkan jaminan yang

tidak sekata terhadap keteguhan proses pengesahan undi dan ketelusan keputusannya. Setiap pemerhati undi mungkin mengambil pendekatan tersendiri bagi mengesahkan dan menyelaraskan undi.

Dalam pelaksanaan sebenar, skop tugas biasanya dipersetujui lebih awal antara syarikat dengan pemerhati undi, tertakluk pada variasi tertentu. Tanpa panduan standard, keadaan ini boleh mencetuskan rasa tidak selesa dalam kalangan pemegang saham yang mengharapkan piawaian tadbir urus yang konsisten dalam keseluruhan pasaran.

### **Kawalan yang lebih komprehensif**

Terdapat keperluan yang semakin mendesak untuk garis panduan yang lebih jelas dan terperinci bagi mengukuhkan kebebasan serta kecekapan pemerhati undi. Garis panduan ini seharusnya merangkumi prosedur pengesahan, kawalan penyelarasan, pengendalian isu proksi dan pertikaian berkaitan pengundian, serta keperluan pelaporan. Pertimbangan juga boleh diberikan kepada sistem akreditasi, piawaian profesional minimum dan penilaian prestasi secara berkala bagi meningkatkan akauntabiliti dan kualiti.

Namun dalam amalan sebenar, kebebasan bukan sekadar soal formaliti. Salah satu kebimbangan dalam dunia sebenar ialah risiko pemerhati undi menjadi terlalu rapat dengan lembaga pengarah atau pihak pengurusan.

Walaupun interaksi seperti ini mungkin tidak berniat buruk, ia tetap menimbulkan persoalan yang kurang selesa: di manakah garis pemisah antara hubungan profesional dengan sikap berkecuali? Bagi pemegang saham, hubungan yang dilihat terlalu rapat boleh menjejaskan keyakinan mereka terhadap ketelusan dan integriti proses pengundian.

Atas sebab itu, pemerhati undi perlu kekal jelas dan nyata bebas daripada pihak pengurusan serta pemegang saham utama, terutamanya apabila undian tersebut melibatkan isu sensitif atau margin undian amat tipis. Kebebasan bukan sahaja perlu wujud, tetapi kewujudannya juga perlu dilihat oleh semua pihak.

Walaupun peranan pemerhati undi sering tidak disedari, keyakinan pelabur terhadap mesyuarat agung banyak bergantung pada peranan mereka. Jika mereka ingin terus bertindak sebagai penjaga integriti undian, sistem yang menyokong mereka juga perlu kukuh dan diyakini.

**[TAMAT]**



**PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

**PENOLAKAN TUNTUTAN**

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.